

12 OCT 1996

Umno-Tamat

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO TAMAT

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno 1996 selama tiga hari tamat hari ini setelah diwarnai oleh beberapa babak menarik dan mengejut, satu daripadanya pasti menjadi ingatan dan kesedaran khususnya kepada orang Melayu.

Ia didahului oleh persidangan tahunan Pergerakan Pemuda dan Wanita pada hari Rabu.

Perhimpunan tamat tepat pukul 6 petang. Aturcara terakhir ialah nyanyian lagu Umno dan "Negaraku" selepas penggulungan perbahasan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden parti.

Seperti biasa sebelum bersurai, anggota perwakilan bersalaman sesama sendiri dan dengan pemimpin-pemimpin serta bersalawat untuk Nabi.

Kemuncak perhimpunan tahun ini ialah pemilihan bagi jawatan-jawatan termasuk dalam Pergerakan Pemuda dan Wanita.

Tetapi episod yang tidak mungkin mudah dilupakan ialah apabila Dr Mahathir menangis seketika semasa menyampaikan ucapan dasarnya selaku Presiden parti.

Kejadian itu berlaku ketika beliau meminta anggota Umno insaf dan sayangkan bangsa, agama dan negara di saat-saat parti itu dilanda gejala politik wang, rasuah dan salah guna kuasa.

Ramai di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, turut menitikkan air mata. Ramai lagi yang juga tersentuh perasaan semasa mengikuti ucapan secara langsung itu.

Perhimpunan kali ini menyaksikan kemenangan Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhd Taib sebagai naib presiden parti.

Jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan.

Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita masing-masing mempunyai ketua baru.

Pengerusi Bank Simpanan Nasional Datuk Ahmad Zahid Hamidi dipilih menggantikan bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik sebagai Ketua Pemuda manakala Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Siti Aziz daripada jawatan Ketua Wanita yang disandanginya selama 12 tahun.

Sebanyak 1,871 anggota perwakilan termasuk 1,767 wakil daripada 164 bahagian Umno menghadiri perhimpunan agung kali ini.

Perhimpunan itu juga turut dihadiri Perdana Menteri Bersama Kemboja iaitu Putera Norodom Ranariddh dan Hun Sen, wakil-wakil Parti Revolusi Rakyat Laos dan Parti Kebangsaan Melayu Singapura serta 23 Kelab Umno.

Para perwakilan membahaskan tiga usul -- usul ucapan terima kasih kerana ucapan dasar Presiden parti, usul pendidikan dan usul agama.

Kebanyakan mereka menyatakan kebimbangan tentang gejala politik wang serta usaha yang perlu dibuat untuk membendungkannya, kelemahan anak Melayu dalam bidang pendidikan termasuk dalam mata pelajaran sains dan matematik, dan masalah sosial yang melanda masyarakat sekarang.

Umno kini mempunyai hampir 2.7 juta anggota. -- BERNAMA

MAM MAI